

21 MAY 2000

MIC-Resolusi

PEMUDA DAN WANITA MIC LULUS 13 RESOLUSI

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Pergerakan Pemuda MIC hari ini sebulat suara meluluskan lima resolusi termasuk sokongan penuh kepada kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Para perwakilan yang membahaskan usul itu berkata wawasan yang dirangka oleh Dr Mahathir memang merupakan satu langkah untuk mencapai kejayaan yang lebih bermakna dan seimbang bagi semua kaum di negara ini.

Sumbangan Dr Mahathir selama ini dalam membentuk satu bangsa Malaysia yang bermaruah dan berdikari patut dihargai oleh generasi muda, kata para perwakilan.

Selain itu, perwakilan turut menyatakan sokongan penuh kepada Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu dalam usaha beliau berjuang meningkatkan martabat kaum keturunan India dan berjanji membantu merealisasikan segala rancangan beliau.

Mengenai isu gaji bulanan pekerja ladang, Pemuda MIC meminta Kementerian Sumber Manusia agar menyelesaikan masalah ini tanpa melengahkan masa.

Para perwakilan juga meminta Kementerian Pendidikan supaya melaksanakan semula rancangan Latihan Guru Semasa Percution bagi mengatasi kekurangan guru di sekolah-sekolah Tamil di seluruh negara, serta mewujudkan program latihan khas bagi melatih tenaga pendidik mata pelajaran bahasa ibunda (POL) di sekolah-sekolah.

Mengenai pembentukan dana RM500 juta untuk Industri Kecil dan Sederhana Teknologi Maklumat, Pemuda MIC berharap perhatian turut diberi kepada usahawan kaum India selaras dengan usaha kerajaan melahirkan usahawan muda berkaliber.

Sementara itu, Pergerakan Wanita MIC meluluskan lapan resolusi termasuk melahirkan sokongan penuh kepada Dr Mahathir dan Samy Vellu dalam membangunkan negara dan masyarakat India.

Wanita MIC turut meminta presiden parti agar memperuntukkan 10 peratus daripada jawatan-jawatan di peringkat kerajaan tempatan seperti ahli majlis daerah kepada anggota Wanita. Kini hanya terdapat tujuh wakil Wanita MIC yang menjawat jawatan berkenaan di seluruh negara.

Perwakilan juga menyeru kerajaan agar mempercepatkan pembinaan lebih banyak rumah kos rendah dengan memperuntukkan 10 peratus daripada rumah itu kepada ibu-ibu tunggal.

Mengenai pendidikan, mereka meminta kerajaan supaya menukar status sekolah-sekolah bantuan modal Tamil kepada sekolah bantuan penuh bagi meningkatkan taraf pendidikan sekolah Tamil di seluruh negara.

Perwakilan juga mahu agar kerajaan memberikan perhatian khas kepada usahawan wanita India dalam pemberian pinjaman kewangan perniagaan serta memperuntukkan lima peratus peluang-peluang latihan kepada wanita India.

Lebih 1,000 perwakilan dari kedua-dua sayap parti itu menghadiri perhimpunan sehari yang dirasmikan Samy Vellu pagi ini.

-- BERNAMA

RV AKD